

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
PROFESOR DATUK. TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD
JANOR
NAIB CANSELOR UiTM**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN PELAJAR SENIBINA LANDSKAP
MALAYSIA KE-11**

24 FEBRUARI 2023 | SELASA | 8 MALAM

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Salam
Sejahtera**

dan

Salam UiTM Madani.

1. Alhamdulillah, suakah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat berpeluang untuk hadir bersama hadirin sekalian dalam majlis pada malam ini.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga Universiti UiTM, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kedatangan kesemua peserta Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ke PERHIMPUNAN PELAJAR SENIBINA LANDSKAP KE-11. Saya juga turut

mengalu-alukan para pembentang dari dalam dan luar negara ke perhimpunan ini.

Hadirin sekalian,

3. Tahun ini bermula dengan penuh gemilang, menyaksikan kali ke-sebelas penganjuran Hari Senibina Landskap dirasmikan secara fizikal selepas daripada pandemik COVID-19 yang mengekang daripada pelaksanaan program ini diadakan.

4. Saya berasa bertuah dan bangga atas penganjuran yang berlangsung di UiTM Puncak Alam, Selangor ini. Semoga penganjuran ini menjadi satu lagi catatan yang boleh kita lakarkan dalam perjalanan UiTM menuju kecemerlangan pendidikan di Malaysia.

5. ALAM ialah program kebangsaan tahunan perhimpunan pelajar-pelajar senibina landskap Malaysia yang dinaungi oleh Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM). Kali ini ALAM 11 TAHUN 2023 bukan sahaja

menjadi pusat program ilmiah dan sosial semua pelajar senibina landskap daripada seluruh institut pengajian tinggi tempatan, malah turut menjadi landasan kepada ahli akademik serta wakil industri hadir bersama-sama berkumpul untuk membincangkan dan merancang agenda terkini ke arah memperkasakan pendidikan formal bidang senibina landskap di Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Tema program yang akan kita lalui bersama ini adalah ‘RUNUT ALAM’. Tema ini mengajak kita untuk proaktif dalam memastikan muka bumi tempat tinggal semua habitat ini dipelihara dan dijaga dengan selamat demi generasi masa depan.

7. Pemilihan tema ‘RUNUT ALAM’ adalah bertujuan mempromosikan langkah memelihara alam dalam kehidupan harian manusia. Langkah memperkasa dan mempromosi ini diterjemahkan melalui setiap aktiviti, pakaian dan pertandingan antara institut pengajian tinggi yang menyertai ALAM 11 TAHUN 2023 kali ini.

8. Saya percaya objektif program ini dilaksanakan adalah untuk menzahirkan bakat, potensi dan intelek ke arah pembinaan jaringan di kalangan pelajar, ahli akademik dan pengamal industri yang berteraskan kepada perkongsian ilmu dan pembelajaran melalui pengalaman. Kebaikan ini dapat mendorong pelajar membina pemikiran secara kreatif dan kritis dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah melalui pengembangan potensi dan juga bakat semasa penganjuran acara yang dilaksanakan.

Hadirin sekalian,

9. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan sinergi dari luar dan para penggerak dari dalam UiTM atas komitmen tinggi dan khidmat cemerlang yang telah diberikan bagi menjayakan program ini.

10. Kepada Ahli Jawatankuasa Pelaksana dan kesemua kontinjen bersama pensyarah-pensyarah yang berkampung di UiTM Kampus Puncak Alam sepanjang program 4 hari ini, saya berharap anda sekalian berpuas hati dengan sambutan dan layanan yang diberikan pihak kami sebagai hos dan jutaan kemaafan dipohon atas sebarang kekurangan.

11. Akhirnya saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan kita semua sentiasa menerima rahmat peliharaan-Nya dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kesihatan dan kecemerlangan.

12. Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’, saya merasmikan PERHIMPUNAN PELAJAR SENIBINA LANDSKAP KE-11.

Sekian.

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**